



ABSTRAK

MUHAMMAD SALMI MD SAID (2018): Studi Komparatif Pemikiran Agama Dan Politik Di Malaysia Antara Nik Abdul Aziz Nik Mat (Pas) Dan Mahathir Mohamed (Umno)

Persaingan politik yang berlaku dalam konteks politik umat Islam di Malaysia adalah antara Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), di mana kedua-dua partai ini telah membawa gagasan pemikiran politik Islam tetapi dalam kerangka yang berbeda. Dua tokoh utama yang mempengaruhi pemikiran agama dan politik dalam kedua-dua partai ini ialah Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mahathir Mohamed. Nik Abdul Aziz Nik Mat, tokoh kelahiran Kelantan adalah Menteri Besar bagi negara bahagian Kelantan yang juga Mursyidul Am PAS antara 1994 hingga 2015. Manakala Mahathir Mohamed yang dilahirkan di Kedah merupakan Perdana Menteri Malaysia merangkap Presiden Umno antara 1981 hingga 2003. Penelitian ini cuba melihat secara komparatif tentang pemikiran agama dan politik kedua-dua pemimpin ini dan apakah hubungan antara agama dan politik menurut mereka. Tiga indikator utama yang digunakan untuk melihat pemikiran agama dan politik kedua-dua tokoh ini ialah pelaksanaan hudud dan syariat, konsep Negara Islam serta pembangunan dan ekonomi. Penelitian ini mendapati perbezaan pandangan kedua-dua tokoh dalam soal hubungan agama dan politik kerana mereka bertolak dari asas yang berbeda iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat menggunakan platform Islam, sedangkan Mahathir Mohamad bertolak dari pemikiran Barat.